



TEKS UCAPAN

**YB AZMAN BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**SEMPENA
PERASMIAN BENGKEL PELAN DIGITAL PERLIS**

TARIKH: 27 JULAI 2020 (ISNIN)

MASA: 9.10 PAGI

SALUTASI

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA,

- YBHG. DATO DR ZULKEFLI IBRAHIM
- YBHG. DATO DR NOR ALIAH MOHD ZAHARI

- YANG BRS. EN. WAN MOHD ROSDI WAN DOLAH

- YANG BRS. EN ZAIMY SHAARI

- KETUA-KETUA JABATAN, KETUA-KETUA BAHAGIAN DAN PARA PESERTA BENGKEL YANG DIHORMATI SEKALIAN

SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA DI ATAS KEHADIRAN KE BENGKEL PELAN PERLIS DIGITAL PADA HARI INI.

DI SINI, SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT, TERUTAMA SEKALI BAHAGIAN PERANCANGAN EKONOMI NEGERI, BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN LAIN-LAIN BAHAGIAN ATAS KERJASAMA BAGI PELANCARAN PROGRAM INI.

1. INISIATIF BENGKEL INI MERUPAKAN SATU MISI KERAJAAN NEGERI PERLIS MENJADIKAN NEGERI PERLIS SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MEMBANGUN SECARA PRODUKTIF DAN PRAKTIKAL YAKNI MELONJAKKAN LAGI POTENSI PERLIS SEBAGAI DESTINASI PELABURAN DAN PELANCONGAN DI UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA.

2. BENGKEL INI ADALAH LANGKAH PERMULAAN YANG SELARAS DENGAN HASRAT NEGERI PERLIS UNTUK MELAKSANAKAN PELAN STRATEGI TRANSFORMASI PENDIGITALAN PERLIS 2021 – 2025.
3. BENGKEL INI BERTUJUAN UNTUK MENJANA IDEA-IDEA BARU SERTA MENGENALPASTI INISIATIF BAHARU DALAM MEMODENKAN DAN MEMANTAPKAN TADBIR URUS KERAJAAN NEGERI DAN KOMUNITI PERNIAGAAN SERTA MASYARAKAT DI NEGERI INI DARI SEGI PERANCANGAN SERTA KOORDINASI INISIATIF DIGITAL DAN SETERUSNYA KE ARAH PELAKSANAAN PERLIS DIGITAL.

YBHG DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

4. SAYA MENGIMPIKAN PELAN PERLIS DIGITAL INI BERJAYA DIBANGUNKAN DAN DILAKSANAKAN YANG DAPAT MEMBERI IMPAK YANG SANGAT POSITIF DENGAN MENGURANGKAN KARENAH BIROKRASI YANG TIDAK DIPERLUKAN DALAM SEMUA ASPEK BERKAITAN DAN MEMPERTINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADA RAKYAT JUGA IMPAK KEPADA EKONOMI NEGERI PERLIS AGAR MENJADI LEBIH KOMPETITIF DAN MENCIPTA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN.
- 5 SAYA BERPENDAPAT PENDIGITALAN DI DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI ADALAH SANGAT PENTING. TAMBAHAN PULA PANDEMIK COVID-19 TELAH MENYEDARKAN DAN MENUNTUT PERUBAHAN DALAM LANDSKAP PENTABIRAN DAN PROSES PENDIGITALAN

URUSNIAGA PERLU MENJADI NORMAL BAHARU BAGI URUSAN PERNIAGAAN DAN TRANSAKSI HARIAN.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

5. RANGKA KERJA TRANSFORMASI PENDIGITALAN PERLIS YANG AKAN DIBANGUNKAN INI BERASASKAN KEPADA 3 STRATEGI BERIKUT :

- I. PENDIGITALAN SEPENUHNYA PENTADBIRAN NEGERI PERLIS. MERANCAKKAN USAHA PENDIGITALAN DAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI AGAR USAHA INI DAPAT MEMPERCEPATKAN AGENDA PENDIGITALAN KE SELURUH PELUSUK NEGERI PERLIS OLEH KOMUNITI PENIAGA DAN MASYARAKAT.
- II. MENCIPTA GAYA HIDUP DIGITAL DI NEGERI PERLIS. INI MENGHUBUNGKAN MASYARAKAT DENGAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN MENYEMARAKKAN PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL DALAM KEHIDUPAN, DAN
- III. MERANCAKKAN SEMULA EKONOMI DAN KOMUNITI PERNIAGAAN. PROSES PENDIGITALAN URUSNIAGA PERLU MENJADI NORMAL BAHARU PERNIAGAAN DAN TRANSAKSI HARIAN.

AKHIRNYA PARA HADIRIN SEKALIAN,

6. PEMANFAATAN TEKNOLOGI DIGITAL UNTUK MENTRANFORMASI BISNES/PERKHIDMATAN BAGI MENYEDIAKAN PELUANG PENDAPATAN DAN PENCIPTAAN NILAI YANG BAHARU TELAH MEMBUKTIKAN KOMITMEN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERLIS DALAM

MENGHUBUNGKAN MASYARAKAT DENGAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN MENYEMARAKKAN PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL DALAM KEHIDUPAN. SAIZ NEGERI DAN JUMLAH PENDUDUK YANG KECIL BUKAN ALASAN UNTUK MENGEJAR PELUANG INI AGAR KITA TIDAK TERUS KETINGGALAN DAN MEREBut PELUANG BARU YANG TERHIDANG.

7. KERAJAAN NEGERI PERLIS SENTIASA MEMBUKA RUANG, PELUANG DAN SOKONGAN KEPADA PEMAIN INDUSTRI YANG BERUSAHA UNTUK MEMAJUKAN DAN MEMARTABATKAN PERNIAGAAN MASING-MASING. PELAKSANAAN PELAN INI TIDAK AKAN BERJAYA JIKA MENGHARAPKAN USAHA DARI KERAJAAN SAHAJA TETAPI KEJAYAAN INI LEBIH BERMAKNA MELALUI KERJASAMA SEMUA PIHAK.
8. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PANEL YANG DI LANTIK, SYARIKAT-SYARIKAT KORPORAT WAKIL KOMUNITI PERNIAGAAN, WAKIL MASYARAKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, SERTA WAKIL JABATAN KERAJAAN NEGERI YANG TELAH SEDIA MELUANGKAN MASA DAN IDEA SERTA PENGALAMAN DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING BERKOLABORATIF DENGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS DALAM MEMASTIKAN HASRAT KERAJAAN NEGERI PERLIS TERCAPI DAN TERUS MENINGKAT KEUPAYAAN DAN DAYA SAING BAGI MENJADI NEGERI YANG SIGNIFIKAN DALAM MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN NEGARA.

9. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN
INI MELANCARKAN BENGKEL PERLIS DIGITAL.

SEKIAN, WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAM
MUA'LAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.